

Selangor ambil semula tanah rizab sungai

SHAH ALAM 9 Mac - Kerajaan negeri akan mengambil semula tanah di sekitar tebing Sungai Langat, Hulu Langat dan Sungai Lembah Jaya, Ampang dekat sini yang kini menjadi penempatan penduduk bagi mengelak berlakunya banjir di kawasan tersebut.



Lokasi tanah yang akan diambil balik itu hanya melibatkan kawasan rizab sungai dan keputusan mengenainya akan

ditentukan pada Jun ini selepas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri melakukan siasatan dan pemantauan.

Penyelaras Jawatankuasa Bencana Alam negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi (**gambar**) berkata, siasatan awal mendapati penduduk yang menetap di kawasan rizab sungai itu telah mendapat geran sebelum ini.

“Apabila mereka membina rumah di kawasan rizab sungai, pengaliran air di kawasan tersebut terganggu dan kerja-kerja menyelenggara dan mengorek sungai tidak dapat dilakukan.

“Jadi, selepas mengadakan mesyuarat dengan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan agensi terlibat, kita memutuskan untuk mengambil semula tanah di tebing Sungai Langat dan Sungai Lembah Jaya.

“Hanya tanah rizab sungai yang akan diambil balik dan penduduk yang mempunyai geran akan diberi pampasan,” kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Mohammed Khusrin yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri berkata, selain mengambil semula tanah rizab sungai, pihaknya juga berbincang dengan Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. agar pelepasan air di Empangan Pangsun, Hulu Langat dan Loji Rawatan Ampang Intake, Ampang ketika berlaku hujan lebat dibuat secara berjadual.

“Kadar hujan kelmarin dilaporkan meningkat kepada empat kali ganda daripada biasa. Jadi pelepasan air dari empangan secara berjadual ketika hujan lebat dapat membantu mengawal banjir daripada berlaku,” katanya.